



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## NEWSLETTER



"Statistik Nadi Kehidupan"

# HARI STATISTIK NEGARA 2023 "YUK MAMPIR"



## Latar Belakang Hari Statistik Negara

*United Nations Statistical Commission* telah mengisyiharkan Hari Statistik Sedunia disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selaku Penjana Statistik Rasmi Negara telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Statistik Negara secara tahunan bermula tahun 2017. Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya literasi statistik yang melibatkan Agenzia Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta, komuniti dan pelbagai lapisan masyarakat. Sambutan pada kali ini merupakan sambutan yang ke-9 sejak ia dianjurkan.

## Objektif

1. Meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas (*central*) kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan Negara;
2. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti tentang kepentingan statistik kepada Negara;
3. Memperkuuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data Jabatan;
4. Mengiktiraf sumbangan ahli statistik di Malaysia, terutama dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan kepada asas-asas perkhidmatan, integriti dan profesionalism; dan
5. Mempromosikan aktiviti-aktiviti DOSM semasa Hari Statistik Negara.

**20 OKTOBER 2023**

# Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

Hari Pertama HSN  
Perasmian dan aktiviti HSN



**Maklumat banci ini penting dalam merancang pembangunan jangka panjang sektor pertanian dan agromakanan terutamanya dalam pengeluaran produk makanan yang lebih selamat dan mengurangkan impak negatif terhadap kualiti alam sekitar.**

**YBHG. DATO' NOR AZMIE BIN DIRON  
KETUA SETIAUSAHA**

Petikan ucapan oleh  
YBhg. Dato' Nor Azmie Bin Diron  
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi bersempena  
Majlis Perasmian Sambutan Hari Statistik Negara 2023

### SESI PENDAFTARAN MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2023

Seramai 500 orang telah menghadiri dan memeriahkan suasana Majlis Sambutan Hari Statistik Negara 2023 yang diadakan di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam pada 20 Oktober 2023.



Selari dengan tema Hari Statistik Sedunia, tema HSN pada tahun ini adalah **"Statistik Nadi Kehidupan."** Statistik boleh menceritakan perihal data. Bermula daripada maklumat individu, aktiviti ekonomi, naratif sosial, alam sekitar dan sebagainya. Statistik juga amat penting dalam perancangan dan penggubalan dasar kerajaan. Sebagai mana pentingnya denyut nadi kepada kita, begitulah juga pentingnya statistik kepada Negara.



@StatsMalaysia

**BANCI 2024  
PERTANIAN**

Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA  
MADANI**

**PADU**  
PANKALAN DATA UTAMA





Majlis Perasmian Hari Statistik Negara 2023 telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Nor Azmie Bin Diron, Ketua Setiausaha Kemeterian Ekonomi pada 20 Oktober 2023. Majlis turut diserikan dengan gimik pelancaran Hari Statistik Negara 2023 berserta tayangan montaj berkaitan Banci Pertanian yang akan diadakan pada 2024.



Sesi Temu Bual Sidang Media



Persembahan Koir,  
Jabatan Perangkaan Malaysia



Lawatan ke Tapak Pameran DOSM



Lawatan ke Tapak Pameran FAMA



Lawatan ke Tapak Pameran  
Jabatan Perikanan Malaysia



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

Kunci Kemajuan Pertanian

MALAYSIA  
MADANI

PADU  
PANGKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030

GLOBAL  
STATISTICS  
YEAR

# LARIAN HSN 20.10KM



## SIDANG MEDIA HSN 2023



@StatsMalaysia

**BANCI 2024  
PERTANIAN**

Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA  
MADANI**

**PADU**  
PANGKALAN DATA UTAMA

**20 OKTOBER**  
2016 - 2030

**SDG**  
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

# PAMERAN HSN 2023



## WAWANCARA BERSAMA YANG DIPERTUA SABAK BERNAM



## PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK: DOSM SELANGOR FC vs PILIHAN SABAK BERNAM FC



# PERTANDINGAN DEBAT STATISTIK SIRI KE-2 TAHUN 2023

Pertandingan Debat Statistik Antara Institusi Pendidikan Tinggi Siri Ke-2 Tahun 2023 ini dijayakan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) bertemakan **Pasaran Buruh** bersempena sambutan Hari Statistik Negara (HSN) yang diadakan pada setiap 20 Oktober pada setiap tahun.

## Perasmian Pertandingan Debat Statistik Siri Ke-2 Tahun 2023



Pertandingan Akhir Debat Statistik Siri ke-2 Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Seminar, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Daerah Sabak Bernam, Selangor.



**JOHAN**  
Universiti Sains Malaysia (USM)



**NAIB JOHAN**  
Universiti Teknologi MARA (UITM)



Pusingan awal pertandingan Debat Statistik antara IPT ke-2 tahun 2023 yang berlangsung pada **6 Oktober hingga 8 Oktober 2023** bertempat di **Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)**, Sungai Perak. Sebanyak **14 penyertaan pasukan debat** terdiri daripada IPT yang menjadi kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman (MOU) bersama DOSM.



Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pemikiran kritis dan analitikal dalam kalangan mahasiswa mengenai isu-isu berkaitan pasaran buruh melalui penyampaian hujah-hujah secara rasional, penganalisisan data dan fakta sekaligus meningkatkan literasi statistik penggunaan statistik rasmi yang diterbitkan oleh DOSM.



**21 OKTOBER 2023**

## Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

Hari Kedua HSN  
Aktiviti-aktiviti HSN

### Larian D'Bendang



Larian D'Bendang merupakan acara pembuka tirai hari kedua di Sabak Bernam, Selangor. Larian bendang ini diadakan di Parit 2, Kampung Haji Dorani. Program ini dimeriahkan dengan kehadiran penduduk setempat serta 300 penyertaan daripada Komuniti dan Warga DOSM.



@StatsMalaysia

**BANCI 2024 PERTANIAN**  
Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA MADANI**

**PA DU**  
PANKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030



Setelah acara Larian D'Bendang berakhir, program diteruskan dengan aktiviti Permainan Sukan Rakyat seperti Gagau ikan, Canting Batik, Bina Orang-Orang dan sebagainya. Program ini dapat memupuk semangat bekerjasama dan mengerakkan ukhuwah di kalangan peserta.

#### Permainan sukan rakyat di sawah



Seramai 500 orang telah menghadiri dan memeriahkan suasana Majlis Sambutan Hari Statistik Negara 2023 yang diadakan di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam pada 20 Oktober 2023.



# Sesi Literasi – Banci Pertanian dan HIES 2022

## Perkongsian pelaksanaan Banci Pertanian 2024



Perkongsian pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan Penemuan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 oleh Puan Siti Asiah binti Ahmad, Pengarah Kanan BPHPP bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Sabak Bernam. Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan statistik dalam kehidupan kita sehari-hari.

Program ini telah dihadiri oleh pelajar sekolah dan komuniti setempat.



# Pertandingan Karaoke HSN Suara Emas



Pertandingan Karaoke HSN Suara Emas di Perkarangan Stadium Sungai Besar pada sebelah petang. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Perangkawan Malaysia dan komuniti setempat.



# Pertandingan Bola Sepak Piala Ketua Perangkawan Malaysia



Kejohanan Bola Sepak bawah 10 tahun dan 12 tahun Piala Ketua Perangkawan Malaysia

Kejohanan Bola Sepak bawah 10 tahun dan 12 tahun Piala Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Padang Bola Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam. Ibu bapa dan ahli keluarga turut hadir memeriahkan suasana kejohanan tersebut. Acara ini dapat memupuk semangat kesukaran di kalangan peserta disamping meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga kesihatan diri



## Jualan Ehsan Rahmah



Jualan Ehsan Rahmah juga turut diadakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam usaha membantu komuniti setempat dengan menjual barang keperluan pada harga yang murah dan berpatutan. Turut berlangsung di Dataran Stadium Sungai Besar ialah Jualan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pameran oleh Agensi Kerajaan dan Swasta, Mini Zoo, Soopa Doopa dan banyak lagi.



## Soopa Doopa



## Jualan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)



# Program Merewang dan Gotong-Royong Membersihkan Kubur

Program merewang dan gotong-royong membersihkan kubur serta majlis tahlil dan doa selamat dengan kerjasama Penghulu Mukim Sabak dan Penghulu Bagan Nakhoda Omar dan semua Ketua Kampung kedua Mukim. Program ini diadakan di Masjid Jamek Mahmudiah, Kampung Bharu, Sabak Bernam, Selangor. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim disamping memberikan kesedaran mengenai kepentingan statistik.



# Pentas Seni Setempat



Pentas seni setempat berlangsung pada sebelah malam di Pentas Utama, Stadium Selangor Sabak Bernam. Aktiviti yang diadakan antaranya ialah seni mempertahankan diri, nyanyian lagu-lagu P.Ramlee dan banyak lagi.



22 OKTOBER 2023

# Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

"Statistik Nadi Kehidupan"

Hari Ketiga HSN  
Aktiviti-aktiviti HSN

### Lawatan ke Ladang Melosel dan Mulberi



Lawatan ke Ladang Melosel di MZ Agro Farm, Lebuk Pulai, Sabak Bernam, Selangor dan Ladang Mulberi di Sungai Panjang, Sungai Besar, Selangor. Lawatan ini melibatkan 40 orang penyertaan terdiri daripada Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Pengarah DOSM Negeri.



@StatsMalaysia

**BANCI 2024 PERTANIAN**  
Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA MADANI**

**PADU**  
PENGKALAN DATA UTAMA

**20 OKTOBER**  
2016 - 2030

15

# Pentas Seni Setempat



Majlis Penutup Sambutan Hari Statistik Negara 2023 dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan di perkaranan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor. Terdapat pelbagai persembahan dan cabutan bertuah yang ditawarkan semasa majlis penutup tersebut. Seramai 300 orang komuniti dan warga DOSM telah hadir memeriahkan majlis penutup tersebut.



# Aerobicthon Challenge



Program Aerobicthon Challenge membuka tirai hari terakhir Hari Statistik Negara (HSN) 2023. **Aerobicthon Challenge** berlangsung di perkarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor. **Aerobicthon Challenge** ini bertemakan 'Barbie' serta menawarkan hadiah yang lumayan kepada pemenang. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.



Majlis  
Kick-off  
Road To HSN 2023

12  
Februari

MULA

30  
Mac

Sesi Taklimat  
OpenDOSM  
NextGen kepada  
Ahli Dewan Rakyat

Sesi Literasi Statistik  
dan Pameran

Januari  
-  
Disember

Januari  
-  
Disember

Stats Prihatin

Slot Bual Bicara  
di Stesen Radio, TV  
dan Media Cetak

Januari  
-  
Disember

Jun  
-  
September

Stats  
Executive Talk

Forum bersama  
Pemain Industri

Jun  
-  
September

Literasi Statistik  
bersama Pihak  
Berkuasa Tempatan

25  
Julai

Jun  
-  
Okttober

Stats Fit / Aktiviti  
Sukan dan Riadah

Simposium  
Kependudukan

September

Ogos  
-  
September

Kolokium  
HIES

STATS  
Research Poster

10  
Oktober

Videografik Ucapan  
HSN 2023

September  
-  
Okttober

25  
September

DOSM Datathon  
2023

September  
-  
Okttober

Sukan Antara  
Agenzi

25-26  
September

Persidangan  
MyStats 2023





# Road To HARI STATISTIK NEGARA 2023

"Statistik Nadi Kehidupan"



tober  
Countdown &  
Infografik HSN 2023

19  
Oktober Forum Bersama  
Permainan Industri

19  
Oktober • Forum Perdana  
Ehwal Islam  
• Bacaan Yasin  
Perdana

20  
Oktober Majlis Sambutan  
HSN 2023



21  
Oktober Sesi Bersama  
Komuniti

6-8  
Oktober Debat Statistik

28  
Oktober Northern  
StatsRun 2023

TAMAT



# Himpunan Motor Klasik



Himpunan Motor Klasik juga turut berlangsung di perkarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor sejurus selepas Majlis Penutup. Pelbagai aksi-aksi yang dipertontonkan kepada para penonton.



# Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

MyStats Conference

Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-10 2023 telah diadakan pada 26 September 2023 bertempat di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia bertemakan **"Merentasi Sempadan KDNK: Ke Arah Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar"**, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Tema ini juga selaras dengan Aspirasi Malaysia MADANI yang merangkumi kesejahteraan ekonomi dan sosial, kelestarian alam sekitar serta kemampuan mutu hidup yang seimbang.

### Majlis Perasmian Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-10 Tahun 2023



Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi. Majlis perasmian turut dihadiri oleh YBhg. Dato Sri Dr. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Yatimah Sarjiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Encik Fraziali Ismail, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Profesor Dr. Habshah Midi, Institut Statistik Malaysia serta lebih 1,000 orang peserta yang terdiri daripada ahli statistik, ahli akademik dan penyelidik daripada pelbagai agensi yang hadir secara fizikal dan maya ke persidangan tersebut.



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

Kunci Kemajuan Pertanian

MALAYSIA  
MADANI

PADU  
PANGKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030

SDG  
STATISTIK  
MALAYSIA

Persidangan ini merupakan anjuran bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia. Ia bertujuan untuk menyediakan platform kepada ahli statistik, penyelidik, ahli ekonomi, pengubal dasar dan ahli akademik dalam mengetengahkan idea baharu serta meningkatkan pemahaman sejagat dalam bidang statistik. Persidangan dimulakan dengan sesi ucaptama yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Richard Leete, Director of HRH Sultan Nazrin Shah's Economic History of Malaya Project.



Forum Sesi Pertama memfokuskan kepada **Building a Better Malaysia: Breaking Barriers in Social Well-Being and Environmental Sustainability** oleh YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor, Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya.



Forum Sesi Kedua membincangkan **Bridging Data Gap to Foster Climate Resilience** oleh Puan Ong Li Ming, Pengarah Jabatan Pengurusan Data dan Statistik, Bank Negara Malaysia.



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

MALAYSIA  
MADANI

PADU  
PANGKALAN DATA UTAMA

VII  
INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
STATISTICAL METHODS  
20 OKTOBER

GLOBE  
CONFERENCE  
2016 - 2030

20

Sesi Selari turut diadakan dengan pembentangan 24 kertas saintifik di bawah 8 sub tema persidangan ini. Kertas-kertas saintifik ini merangkumi pelbagai bidang seperti data analitik dan sains, modernisasi statistik serta pengukuhan statistik saintifik bersepada. Sementara itu, sebanyak 15 poster saintifik dipamerkan.



Selain itu, persidangan ini turut mengiktiraf sumbangan pengamal statistik melalui anugerah MyStas **The Best Young Statistician Presenter** dan **The Best Poster Presenter** serta hadiah bagi 10 Kumpulan Terbaik bagi pertandingan StatsDatathon termasuk Kategori Khas iaitu **Best Presenter Award**, **Most Creative Award** dan **Insightful Infographic Award**.





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

## NEWSLETTER

# Majlis Sambutan



# HARI STATISTIK NEGARA 2023

"Statistik Nadi Kehidupan"

## Forum Perdana Ehwal Islam



# Forum Perdana Ehwal Islam

DOSM telah berjaya menganjurkan FPEI sejak tahun 2019, 2020, 2022 dan 2023. Pada tahun 2019, FPEI telah diadakan secara langsung di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak dengan tajuk "Usia Berbaki" manakala tahun 2020, FPEI diadakan secara rakaman di Auditorium JAKIM, Kompleks JAKIM, Putrajaya bertajuk "Kita Sejagat". Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), D.K.N.S., D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.I (Johor), D.K. (Pahang), PhD (Harvard) telah berkenan mencemar duli ke FPEI 2022 yang diadakan secara rakaman bertajuk "Nadi Negaraku" bersempena Majlis Sambutan HSN dan Sedekad ILSM di ILSM, Sungkai, Perak.

Pengajuran FPEI 2023 secara rakaman di Auditorium JAKIM, Kompleks JAKIM, Putrajaya dengan kerjasama strategik bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), menampilkan barisan panel agamawan yang mantap iaitu Prof. Madya Dato' Dr. Haji Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor, Universiti Islam Selangor (UIS) dan Prof. Madya Dr. Nik Salida Nik Salleh, Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) manakala Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud bertindak sebagai moderator.



FPEI 2023 dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawon Malaysia, YBhg. Datuk Yatimah binti Sarjiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral), Kementerian Ekonomi, YBrs. Puan Nazaria binti Baharudin Timbalan Ketua Perangkawon (Program Sosial dan Pembangunan Teknikal) dan YBhg. Datin Seri Rozita binti Talha, Timbalan Ketua Perangkawon (Program Ekonomi). FPEI ini juga turut dihadiri oleh pelbagai agensi Kerajaan, agensi swasta, komuniti dan masyarakat setempat yang berhampiran dengan kehadiran seramai 450 orang.



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

Kunci Kemajuan Pertanian

MALAYSIA  
MADANI

PA DU





FPEI 2023 bertemakan "Hijau Bumi Tuhan" bersempena hebahan promosi mengenai **Banci Pertanian yang akan dilaksanakan pada tahun 2024** telah memperjelaskan berkaitan statistik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang Petani. Kenapa bertani? Persoalan yang sering menjadi tanda tanya kebanyakkan daripada kita. Sedangkan firasatnya masih banyak cabang dan bidang pekerjaan lain yang lebih mendatangkan hasil lumayan yang boleh diceburi oleh setiap kita dalam menyelusuri kehidupan sehari-hari.

Namun bukan mudah untuk menangkis cabaran yang menjadi kekangan dan halangan bagi mereka yang ingin bertani. Manakan tidak, kita sering dimomokkan dengan mitos-mitos bergelumang dengan selut, terik matahari di atas kepala, kemiskinan dan kegagalan demi kegagalan seorang petani.

Malah persepsi yang tidak jelas tentang kefahaman potensi dan prospek masa depan dalam bidang pertanian, ditambah tiada sokongan dan dokongan malah tiada rakan kongsi serta dangkalnya ilmu pertanian membuatkan tersalah urus yang menghasilkan kerugian sekaligus akan merasa serik dan patah semangat.

**Statistik menunjukkan kita masih perlu berusaha agar lebih mengaplikasikan teknologi tinggi agar dominan dan berdaya saing, seterusnya mampu menarik minat kebersamaan dan dokongan daripada pelbagai lapisan anak watan untuk terus berbakti kepada tanah.**

**Malaysia termasuk antara Negara yang mengimport sumber utama makanan dari Negara-Negara jiran.** Situasi ini menunjukkan bahawa kita masih memerlukan sumbangan sumber makanan dalam memenuhi keperluan makanan rakyat Malaysia itu sendiri khasnya.



Realitinya, sektor pertanian berperanan di dalam memacu ekonomi Negara melalui sumbangannya kepada pendapatan negara dan perolehan eksport. Selain mewujudkan peluang pekerjaan, sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berdasarkan sumber.

Selari dengan peranan utamanya, seharusnya bidang ini diberi nafas baru dengan terus menerus mengambil langkah pelarasang bagi mempercepatkan daya saing sektor ini agar dapat membolehkannya menghadapi cabaran baru pada tahap domestik dan antarabangsa.



Kita diingatkan bahawa setiap titisan keringat berlumpur seorang petani yang membasahi bumi itu akan dibayar. Dibayar dengan harga selautan pahala dengan asbab dan kerana secebis niat serta keazaman menghijaukan bumi Allah SWT semata-mata untuk berbakti kepada makhluk-Nya..

Firman Allah SWT yang bermaksud : Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras."

(surah Ibrahim:7)

Bidang pertanian menjadi fardhu kifayah kepada seseorang kerana manfaatnya lebih besar daripada manfaat peribadi. kebanyakkan Fuqaha' Islam berpendapat bahawa bidang pertanian sangat afdal.



Ini kerana manfaat pertanian lebih meluas dan kepentingannya tidak dapat dinafikan sebagai bidang yang terpenting yang menyumbang sumber makanan asasi kepada setiap negara.

Pentingnya bidang pertanian telah ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW, di mana sehingga kini, walaupun dunia hampir kiamat, Rasulullah SAW masih menggalakkan umatnya bercucuk tanam. Ini menunjukkan bidang ini sangat dituntut dalam Islam dan tidak boleh diabaikan.



Rasulullah SAW menjelaskan kepentingan pertanian di dalam sabdaNya yang bermaksud: "Andainya kiamat tiba dan pada seseorang daripada kamu ada sebatang anak kurma, maka hendaklah dia tanpa berlengah-lengah lagi menanamnya".

(Hadith Riwayat : Imam

Kita perlu sentiasa berusaha dengan kehidupan agar menjadikannya lebih baik dengan apa cara sekalipun, buang sikap menterjemah hanya itu yang baik, hanya itu yang boleh kaya, senang dan mudah. Hakikatnya, kalam Allah telah menjelaskan mengenai konsep rezeki, ia perlu diusahakan kerana rezeki allah itu maha luas.

Carilah Allah dalam setiap usaha kita. tanamkan dalam diri dan minda, pacak dan teguhkan pendirian bahawa berbakti kepada tanah juga ada keberkatannya yang akan diperolehi. Utamakan kehendak Allah, berlapang dada dan sentiasa bersyukur, nescaya usaha Hijaukan Bumi Allah ada hikmahnya yang tersendiri.



# Majlis Sambutan



# HARI STATISTIK NEGARA 2023

Datathon

## PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-10

"Merentasi Sempadan KDNK: Menuju Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar"

25-26 SEPTEMBER 2023



**Pertandingan Malaysia Data Innovation Talent X DOSM Datathon 2023 (MDIT X DD 2023)** telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Ts. Dr. Haryani Haron, Penolong Naib Canselor, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM). MDIT X DD 2023 dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersempena **Sambutan Hari Statistik Negara Tahun 2023** dan **Persidangan MyStats 2023**. MDIT X DD 2023 merupakan satu pertandingan bertaraf Kebangsaan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan inovasi dan analisis data.

Majlis Pelancaran MDIT X DD 2023 diadakan pada **16 Jun 2023** dan berakhir pada **26 September 2023** di Majlis Penutup di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia bersekali dengan Majlis Penutup Persidangan Statistik Malaysia Ke-10 (MySTATS) 2023. MDIT X DD 2023 terbuka kepada semua pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di seluruh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Melalui penganjuran pertandingan ini peserta akan menghasilkan papan pemuka (dashboard) berdasarkan data kasar (raw data) yang diperoleh.

Sempena penganjuran ini juga, satu bengkel khas turut dijalankan untuk memberi pengetahuan asas mengenai data visualisasi kepada setiap kumpulan yang bertanding sebelum mulakan projek masing-masing dalam bentuk laporan dan papan pemuka. Tema program adalah berdasarkan SDG Goal no. 1 (No Poverty), Goal no.2 (Zero Hunger), Goal no. 3 (Good Health and Well-Being), Goal no.4 (Quality Education) dan Goal no.13 (Climate Action).

**MDIT X DD 2023** telah mendapat sambutan hangat dengan penyertaan oleh 100 kumpulan (seorang penasihat dan empat orang pelajar) terdiri daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Antara Institut Pengajian Tinggi yang terlibat adalah UMP, UiTM Shah Alam, UiTM Arau, UiTM Tapah, UiTM Seremban 3, UiTM Jasin, UiTM Segamat, UTHM, UPM, UTM, UPSI, UKM, UIAM, UUM, UTeM, UMS, UM, USIM, TAR UMT, Sunway, APU, UTAR, UNISEL dan UNM (Nottingham MY).



@StatsMalaysia

**BANCI 2024  
PERTANIAN**  
Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA  
MADANI**

**PA DU**  
PANKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030

2030

## Objektif Program

- Membuka minda para peserta khususnya golongan mahasiswa agar berfikiran secara lebih kritis terhadap kajian data.
- Melahirkan para peserta yang dapat menganalisis data yang diterima dengan tepat dan telus.
- Menambah baik kemahiran kepimpinan dalam kalangan peserta seiring meningkatkan kebolehpasaran graduan Malaysia.
- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan/Sustainable Development Goals (SDG).



Hadiiah pertama dimenangi oleh Kumpulan **Rookie Patchers** daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dengan projek mereka "**Food for Thought: Decoding Malaysia's Future in Food Security**". Mereka membawa pulang wang tunai bernilai RM3,500.00



Pemenang kedua adalah Kumpulan **The Guys** daripada Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,500.00



Pemenang ketiga ialah Kumpulan **Lionhearts** daripada University of Nottingham membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500.00



# PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-10

"Merentasi Sempadan KDNK: Menuju Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar"

25-26 SEPTEMBER 2023



Anugerah khas **Best Presenter Award** dimenangi oleh Kumpulan Rookie Patchers, Anugerah khas **Most Creative Award** dimenangi oleh Kumpulan The Guys dan Anugerah khas **Insightful Infographic Award** dimenangi oleh Kumpulan Rookie Patchers



Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YBhg. Professor Ts. Dr. Haryani Haron, Penolong Naib Canselor, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), Universiti Teknologi MARA, YBhg. Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia



@StatsMalaysia

BANCI 2024  
PERTANIAN

Kunci Kemajuan Pertanian

MALAYSIA  
MADANI

PA DU  
PANKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030

GLOBAL  
STATISTICS  
FORUM  
2024

27

# Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

"Statistik Nadi Kehidupan"

Karnival Jom Heboh Sempena  
Hari Statistik Negara, Johor Bahru



KJH kali ini telah menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik seperti pameran agensi Kerajaan dan swasta, pelbagai pertandingan, sesi ramah mesra dengan selebriti tempatan, jualan produk-produk tempatan dan konsert KJH pada hari penutup. KJH Johor bahru telah berjaya menarik lebih 350,000 pengunjung sepanjang tempoh 3 hari KJH ini berlangsung. Kejayaan menarik ramai pengunjung telah memberikan DOSM Johor peluang mendekati orang ramai dan memperkenalkan DOSM kepada rakyat.

**Karnival Jom Heboh (KJH) Johor Bahru** anjuran **Media Prima Berhad** telah berlangsung pada **27 hingga 29 Oktober 2023** (Jumaat hingga Ahad) di Padang A dan B Plaza Angsana Johor bahru.



Pengunjung reruai DOSM Johor disajikan dengan pelbagai maklumat dan aktiviti bagi mendekatkan rakyat kepada statistik. Antara bahan pameran yang menarik perhatian umum adalah maklumat sosioekonomi Negeri Johor dan hebahan **Banci Pertanian 2024** yang akan dilaksanakan pada tahun 2024. Pengunjung juga telah diberi penerangan berkaitan permohonan data dan penggunaan portal serta dashboard yang telah disediakan DOSM antaranya e-statistik, Open DOSM NextGen dan Kawasanku.



@StatsMalaysia

**BANCI2024 PERTANIAN**  
Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA MADANI**

**PA DU**  
PANKALAN DATA UTAMA

20 OKTOBER  
2016 - 2030

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Terdapat juga aktiviti bagi golongan pelajar sekolah rendah dan belia bagi mendekatkan diri dengan statistik. **Antara aktiviti yang disediakan adalah Aktiviti Celik Nombor, Puzzle Logo Hari Statistik Negara 2023 dan Aktiviti Roda Impian.** Aktiviti Celik Nombor adalah merupakan soalan teka silang kata melibatkan soalan matematik iaitu operasi tambah dan tolak. Manakala aktiviti Puzzle Logo Hari Statistik Negara (HSN) 2023 disediakan bagi memberi pendedahan kepada pengunjung berkaitan sambutan HSN pada **20 Oktober setiap tahun.**



Dianggarkan seramai **10,000 orang pengunjung meliputi 3500 orang dewasa dan 6,500 remaja dan kanak-kanak** telah hadir ke reruai DOSM Johor sepanjang 3 hari karnival Jom Heboh berlangsung. Reruai DOSM Johor juga tidak terlepas daripada kunjungan daripada orang **EXCO Kerajaan Negeri Johor, Ketua – Ketua jabatan dan dif kehormat Barisan Pengurusan Kanan Media Prima Berhad.**

Bagi menarik lebih ramai pengunjung yang hadir, DOSM Johor juga telah **membuka kaunter peluang pekerjaan sebagai Personel MyStep bagi persediaan Banci Pertanian yang akan dilaksanakan pada tahun 2024.** Sebanyak **184 borang permohonan** telah diterima daripada pelbagai latar belakang pendidikan. Pengunjung resuai DOSM Johor diserikan lagi dengan kehadiran **Maskot Abang Tani dan Kak Tani Banci Pertanian 2024.** Pengunjung tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama Abang Tani dan Kak Tani.



# *Majlis Sambutan*



## **HARI STATISTIK NEGARA 2023**

"Statistik Nadi Kehidupan"

**Aktiviti- aktiviti DOSM Negeri**



Penerangan berkaitan DOSM



Program dirasmikan oleh Ybhg Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat



Pihak AADK sedang memberi taklimat berkaitan dadah

### **PAMERAN KEPADA KOMUNITI DALAM PROGRAM PENGENALAN JIHAD BAGI KBT MUKIM SIMPANG KIRI BATU PAHAT**



YB Tuan Liang Tian Soon  
mengadakan lawatan ke booth DOSM Johor



Penerangan OpenDOSM NextGen kepada YB Tuan Liang Tian Soon

### **PAMERAN EKSPO MALAYSIA SDG SUMMIT, SOUTHERN REGION 2023**



Kemeriahannya booth DOSM Johor yang dikunjungi oleh pengunjung.

### **PENGANJURAN PROGRAM LITERASI STATISTIK BANCI PERTANIAN 2024 DAN PRODUK OPENDOSM NEXTGEN SEMPENA SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI JOHOR**



Perasmian Program OpenDOSM Nextgen oleh Puan Mazreha Binti Ya'akub



Lawatan ke booth Pameran DOSM Johor dan KWSP Muar



Program Literasi Statistik Banci Pertanian 2024 dan Produk OpenDOSM NextGen



@StatsMalaysia

**BANCI 2024 PERTANIAN**  
Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA MADANI**

**PADU**  
PANGKALAN DATA UTAMA



**30**



@StatsMalaysia

**BANCI 2024  
PERTANIAN**


Kunci Kemajuan Pertanian

**MALAYSIA  
MADANI**

**PADU**  
PANGKALAN DATA UTAMA

**VISI  
MASA DEPAM**  
20 OKTOBER

**VISION  
FOR MALAYSIA**  
2016 - 2030



@StatsMalaysia




# Majlis Sambutan



## HARI STATISTIK NEGARA 2023

Video Ucapan  
Hari Statistik Negara 2023





# **"Gemilang"**

## **Verse 1**

Di arus zaman berubah  
moden dan penuh rintangan  
tetap melangkah dan berevolusi  
dan menuju matlamat jaya

## **Verse 2**

Seiring dan seirama  
bersama tekad di hati  
misi dan visi berinovasi  
Gah di mata dunia

## **Chorus**

Gemilang , perangkaan jitu  
data terpelihara  
pelbagai anugerah  
membuktikan kita juga berdaya  
Gemilang , harumkan negara  
di antarabangsa  
berpadu tenaga , berganding bahu  
dan kejayaan di rasa

## **Bridge**

Langkah strategi di yakini  
kejayaan di kecapi  
sejarah yang terukir  
menjadi inspirasi

# Terima Kasih



"Statistik Nadi Kehidupan"



StatsMalaysia  
[www.DOSM.gov.my](http://www.DOSM.gov.my)



Data Anda penentu  
masa depan Negara



Pastikan Anda  
sudah di Binci!!

